

9 April 2010

## **Michelle Obama Mahu Golongan Belia Saling Memperkasakan Diri**

Oleh Stephen Kaufman

Penulis Staf

Washington - Dalam lawatan solo luar negara pertamanya sebagai wanita pertama, Michelle Obama meminta golongan belia di Mexico dan di seluruh dunia saling memperkasakan satu sama lain dengan memberi khidmat dan kerja sukarela. Perkara ini dapat membantu meningkatkan peluang-peluang ekonomi kepada golongan yang Michelle gambarkan sebagai "*youth bulge*" - populasi besar penduduk yang berumur antara 15 dan 24 tahun yang kini terdiri daripada 20 peratus daripada penduduk dunia.

Bercakap kepada pelajar-pelajar di Universiti Iberoamericana di Mexico City pada 14 April, wanita pertama itu berkata golongan belia di mana saja termasuk "di tempat yang difikirkan tidak boleh" berpotensi untuk berjaya dan memberi sumbangan kepada masyarakat dunia.

"Cita-cita dan kebolehan boleh ditemui di setiap ceruk dunia. Persoalannya, bagaimana kita memastikan mereka yang mempunyai cita-cita dan kebolehan mendapat peluang membuktikannya? " tanya Michelle.

Ketika Presiden Obama dan pemimpin lain bekerja untuk meningkatkan pendidikan dan mencipta peluang ekonomi untuk membantu golongan muda, rakyat biasa, termasuk golongan belia menggalas tanggungjawab mereka sendiri, kata Michelle.

"Mengubah undang-undang dan dasar sahaja tidak cukup. Kita juga harus mengubah persepsi kita tentang siapa yang boleh dan yang tidak boleh berjaya," kata beliau, dengan memberi contoh "idea-idea dan andaian yang salah dan ketinggalan zaman" yang membataskan peluang pendidikan dan ekonomi kerana jantina, agama, ketidakupayaan, etnik atau kelas sosio-ekonomi.

"Dalam sejarah dunia, seringkali wira yang tak disangka, perspektif yang luar daripada kebiasaan, dan perjalanan yang sukar dipercayai itulah yang mencipta kemajuan kita. Jadi apabila kita mengabaikan golongan muda kita, apabila kita gagal merealisasikan potensi mereka, kita boleh menyebabkan masa depan cerah mereka hilang." kata beliau.

Ketika ramai pelajar berjuang menghadapi kesukaran ekonomi, wanita pertama meminta mereka mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan peluang-peluang ekonomi kepada mereka yang kurang berasib baik melalui kerjaya atau kerja sukarela mereka.

"Mereka yang sudah ada tempat di meja makan harus melakukan sesuatu untuk memberikan ruang bagi orang lain yang tidak mendapat tempat. Golongan muda di seluruh dunia harus menghulurkan bantuan kepada orang lain agar mereka ini dapat memanfaatkan bakat mereka dan suara mereka didengari," kata Michelle.

Beliau memberi contoh golongan muda yang menjadi guru kepada orang kurang upaya, memimpin projek perkhidmatan untuk membantu orang yang kurang bernasib baik, dan membantu mangsa gempa bumi di Haiti pada bulan Januari.

"Setiap seorang golongan muda ini bekerja untuk meruntuhkan penghalang dan membuka pintu. Mereka memberi peluang yang mereka pernah dapat kepada orang lain untuk berjaya," katanya.

Beliau juga menggalakkan pelajar untuk membina keyakinan diri, walaupun mereka pasti akan menghadapi kesulitan dan sesetengah daripada mereka mungkin perlu menghadapi halangan yang lebih sukar daripada yang lain.

"Apabila kamu terfikir mahu menyerah kalah... Saya harap kamu akan berfikir tentang golongan muda seperti kamu semua di seluruh dunia yang bekerja keras di makmal-makmal dan perpustakaan-perpustakaan, di kilang-kilang dan ladang-ladang, dan mereka yang bekerja keras, berjuang dan berkorban untuk menjadikan dunia kita lebih baik," katanya.

"Kita perlukan semangat, keberanian dan kreativiti daripada kamu semua" untuk mengatasi cabaran besar abad ke-21 dan menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik, Michelle berkata.